

[FOTO HIASAN]



Pelajar baharu di universiti perlu bijak mengemudi pembawaan diri bagi mengelakkan kejutan budaya.

Isu amat minimum, kes tidak ekstrem

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Isu kejutan budaya dalam kalangan mahasiswa baharu amat minimum kini berikutan kebanyakan mereka sudah terdedah kepada pelbagai maklumat melalui Internet sebelum melangkah ke universiti.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk

Noor Aziah Mohd Awal, berkata segelintir kes yang berlaku juga tidak sehingga ke peringkat ekstrem.

"Tidak dinafikan memang ada kes mahasiswa 'tersasar' daripada landasan betul, gemar melepak dan ketagih permainan video, membeli-belah atau berfoya-foya dengan rakan tetapi jumlahnya amat kecil, mungkin hanya satu peratus daripada populasi keseluruhan pelajar.

"Ketika Internet baru diperkenalkan dan 'chat-room' menjadi fenomena dulu, ada mahasiswa sanggup 'melekat' 72 jam di kafe siber

menghabiskan masa dan duit biasiswa untuk bersembang dalam alam maya sehingga menjejaskan pengajian. Namun kini, semua itu hanya kes terpencil.

Golongan dewasa

"Apabila mahasiswa baharu masuk sekarang, kami menyambut dan meraikan mereka sebagai golongan yang sudah dewasa melalui Minggu Mesra Siswa supaya tidak berasa rendah diri serta keseorangan.

"Kami juga memberitahu tanggungjawab sebagai pelajar dan harapan universiti



Tidak dinafikan memang ada kes mahasiswa 'tersasar' daripada landasan betul, gemar melepak dan ketagih permainan video, membeli-belah atau berfoya-foya dengan rakan tetapi jumlahnya amat kecil, mungkin hanya satu peratus daripada populasi keseluruhan pelajar"

Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal,
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM

ke atas diri mereka," katanya ketika dihubungi di sini.

Sebaliknya, Prof Aziah berkata secara lazim, golongan yang tersasar bukanlah pelajar baharu tetapi selepas mereka berada dalam tahun tiga atau empat pengajian akibat pengaruh kawan.

"Golongan ini selalunya leka membazir masa melayan permainan dalam talian, sibuk menjalani kokurikulum sehingga mengabaikan akademik, gemar bersembang dalam media sosial dan asyik mengikuti program usrah serta majlis ilmu agama sehingga ponteng kuliah," katanya.

Disiplin tinggi

Beliau berkata, mahasiswa perlu menyedari bahawa mereka bukan lagi berada di bangku sekolah menengah atau matrikulasi tetapi dalam dunia universiti yang menuntut disiplin tinggi untuk pembahagian masa antara akademik dengan kokurikulum dan berehat.

"Bilangan mahasiswa mengalami kejutan budaya hanya sedikit di universiti. Mereka sebenarnya menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan suasana baharu kerana berasal daripada latar belakang berbeza. Jenis kejutan budaya yang dialami juga berlainan.

"Pelajar miskin berasa rendah diri apabila berdepan dengan anak orang kaya. Anak orang kaya pula berasa janggal tinggal di bilik yang perlu berkongsi kemudahan. Pelajar asrama teruja sebab ingin hidup bebas, manakala mereka yang rapat dengan keluarga pula akan selalu ingin pulang ke rumah," katanya.